

Ms.70

Sabtu, 18 November 2017 BH

## → KOPERASI

# Naib Presiden ANGKASA dipilih ahli Lembaga Pengarah ICA

● Kamarudin terima 461 undian daripada 691 wakil koperasi seluruh dunia, pegang jawatan sesi 2017-2021

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

Petaling Jaya

**N**aib Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Kamarudin Ismail, dipilih sebagai Ahli Lembaga Pengarah Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) bagi sesi 2017-2021.

Kamarudin menerima 461 undian daripada 691 wakil koperasi seluruh dunia pada pemilihan yang berlangsung sempena Persidangan Global dan Mesyuarat Agung ICA 2017, semalam.

Presiden ANGKASA, Datuk Ab-

dul Fattah Abdullah, berkata kejayaan itu adalah satu penghortiman buat Malaysia, selain pengiktirafan kepada sumbangan badan koperasi negara itu di peringkat antarabangsa.

### Mudah bersuara

Katanya, menerusi pelantikan Kamarudin sebagai Ahli Lembaga Pengarah ICA, ia bukan saja memudahkan Malaysia menyuarakan pandangan di pentas antarabangsa, malah bakal membuka jaringan perdagangan lebih besar bagi ANGKASA dan ahlinya untuk menembusi pasaran global.

“Saya harap lebih banyak produk koperasi kita boleh menem-

bui pasaran antarabangsa, khususnya di negara yang belum ada hubungan dagangan seperti

di Eropah, Afrika, dan Amerika Syarikat dan Kamarudin bakal menjalani perintisnya.

“Antara agenda yang bakal dikemukakan ANGKASA menerusi pentas ICA adalah mahu kerjasama antara koperasi dengan koperasi dunia dipertingkatkan memandangkan ketika ini aspek itu masih lemah,” katanya ketika dijumpai selepas Majlis Penutup Persidangan Global dan Mesyuarat Agung ICA 2017 di Sunway Resort Hotel & Spa, di sini, semalam.

Dalam pemilihan itu, Presiden Gabungan Koperasi Argentina,



Abdul Fattah (kanan) bersalam dengan Kamarudin yang dipilih menjadi Ahli Lembaga Pengarah ICA di Petaling Jaya, semalam.

Ariel Guarco dipilih sebagai Presiden ICA yang baharu menggantikan penyandangnya, Monique Leroux yang tidak bertanding.

ICA adalah badan gabungan koperasi terbesar dunia dengan keahlian 300 organisasi dari 105 negara.

Pada Persidangan Global dan Mesyuarat Agung ICA 2017 yang bermula Isnin lalu, kira-kira 1,500 perwakilan dari 100 negara hadir membincangkan peranan dan hal tuju serta isu berkaitan koperasi seluruh dunia serta mesyuarat jawatankuasa sektor, selain pelantikan kepemimpinan baru.

Sementara itu, Kamarudin ber-

kata, pembangunan koperasi sekolah adalah antara agenda yang bakal dikongsikan bersama kalanngan negara anggota ICA.

“Saya akan membawa pengalaman kejayaan ANGKASA dalam pembangunan koperasi sekolah di peringkat dunia, masih banyak kalanngan negara luar yang belum lagi memperkenalkannya di negara mereka.

“Saya yakin dengan kejayaan Malaysia dalam aspek ini memandangkan kita sudah memulakan koperasi sekolah sejak 1968, iaitu hampir 50 tahun. Ini kejayaan kita,” katanya yang menjadi wakil Malaysia ketiga terpilih sebagai ahli badan koperasi dunia itu.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia